



قِجَابَةُ فَرِندَهارَانْ نَكْرِي تَرْغِيْكَانُو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU
Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 5426



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: MY-AR 5426

PERB.TR.U/73/03/01/3 - (3)

Bertarikh : 20 Januari 2014

Bersamaan : 18 RabiulAwal 1435H

Kepada Semua PTJ- Sebagaimana Lampiran

Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE (PKI) BAGI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak pengurusan atasan Jabatan telah bersetuju untuk mula melaksanakan Public Key Infrastructure (PKI) bagi Sistem Perakaunan Berkomputer Standad Kerajaan Negeri (SPEKS) bermula pada **1hb. Februari 2014**. Tujuan utama penggunaan PKI ini adalah untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan sistem perakaunan yang digunakan pada masa kini. Pelaksanaan ini juga selaras dengan teguran oleh pihak Jabatan Audit Negara berkaitan dengan penangguhan penggunaan PKI.

3. Pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) disarankan untuk membuat permohonan kad pintar bagi kakitangan yang belum mempunyai kad pintar atau telah luput tarikh penggunaannya kepada kakitangan yang telah diberi tanggungjawab untuk **menyemak atau meluluskan Baucar Jurnal dan Baucar Bayaran di peringkat PTJ** dengan kadar segera. Tindakan ini perlu bagi memastikan operasi penyemakan dan kelulusan dokumen Baucar Jurnal dan Baucar Bayaran tidak terganggu apabila PKI mula dilaksanakan. Bagi memohon atau memperbaharui kad pintar, sila muat turun borang permohonan menerusi alamat http://www.digicert.com.my/download/AppD-1.1-Class_2_Digital_Certificate_Appli.pdf. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu bersama-sama salinan Kad Pengenalan dan Pesanan Tempatan untuk tujuan penyelarasan. Sebarang kemosyikilan, sila hubungi :-

- En. Abd Aziz bin Chik - 6259
- Pn. Noor Aida binti Zakaria - 6547
- Pn. Fatimah binti Mohamad Ali - 6260
- Pn. Khazimah binti Min - 6268

4. Kerjasama Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

" MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)

Bendahari Negeri

b.p: Pegawai Kewangan Negeri

Terengganu.

s.k. Fail timbul